Source: Berita Harian © SPH Media Limited.

8 August 2023, Page 3

Permission required for reproduction

Semangat belajar sepanjang hayat dorong bapa raih sarjana muda di Lasalle



TERUS BELAJAR: Setelah meraih ijazah muda, Encik Muhamad Lokman Mohamad berniat mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana atau doktor falsafah (PhD). – Foto BH Jalah SHAFIO ARANDI.

Melakukan perubahan bukan mudah bagi sebilangan orang. Begitu juga yang dialami Encik Muhamad Lokman Mohamad, 35 tahun.

Namun, walaupun menghadapi masa yang sukar, ini tidak mematahkan semangat beliau untuk terus berusaha dan akhirnya meraih Sarjana Muda dalam Seni Halus (Kepujian) daripada Kolej Seni Lasalle.

Muda dalam Seni Halus (Kepujian) daripada Kolej Seni Lasalle. Sebelum ini, beliau merupakan guru seni di Sekolah Bukit Panjang Government High, namun beliau bertekad untuk terus belajar dan mempertingkatkan diri.

Mengimbas kembali pengalaman luarga banyak membantu saya da-

belajar semula, bapa kepada dua anak kecil itu berkata "selalunya akan ada sesuatu untuk dipelajari, dan dipelajari semula". Encik Lokman juga berdepan de-

Encik Lokman juga berdepan dengan cabaran. Misalnya beliau peranah tidak dapat mengikuti pelajaran semasa anaknya kurang sihatdan terpaksa dimasukkan ke hospital.

paksa dimasukkan ke hospital.
Oleh sebab itu, beliau melahirkan rasa terima kasih kepada keluarganya yang menjadi tonggak utama untuk dapat terus memberi tumpuan kanda palaimanuma

kepada pelajarannya.

"Sokongan daripada anggota ke-

lam meneruskan pendidikan.

"Banyak urusan keluarga juga terpaksa dibuat oleh isteri saya, Natrah Ibrahim, dengan kami bergilir-gilir menguruskan tanggungjawab kami. Setiap kali saya sibuk dengan sekolah, isteri saya akan membantu saya menguruskan rumah tangga," kongsi Encik Lokman.

Thu bapa beliau, yang tinggal sebumbung dengannya, turut sama membantu.

Pada masa sama, Encik Lokman juga berterima kasih kepada pensyarah di Lasalle. Sebarang keraguan yang beliau ada, Encik Lokman men-

dapati mereka mudah membantu. Beliau kembali bertugas sebagai guru selepas mengambil cuti untuk belajar selama tiga tahun.

Encik Lokman kini banyak berkongsi perkara yang dipelajarinya di Lasalle bersama pelajarnya, termasuk mendorong mereka untuk bereksperimen dan banyak meneroka semasa belajar mata pelajaran Seni di sekolah.

Kini, dengan semangat belajar sepanjang hayat, Encik Lokman berniat pula mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana atau doktor falsafah (PhD).

A lifelong passion for learning drives dad to earn a bachelor's degree at LASALLE

Making changes is not easy for some people. That is what happened to Mr Muhamad Lokman Mohamad, who is 35 years old.

Nevertheless, despite facing difficult times, he was not discouraged from continuing to strive and eventually earning a Bachelor of Arts (Honours) degree from LASALLE College of the Arts.

Before this, he had been an art teacher at Bukit Panjang School Government High but he was determined to continue learning and improving himself.

Reflecting on his experiences to return to school, the father of two young children said 'there will always be something to learn, and learn again".

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.

8 August 2023, Page 3

Permission required for reproduction

Mr Lokman also had to face challenges. For example, he once was unable to attend lessons while his son was unwell and had to be hospitalised.

Due to this, he is most grateful to his family who are his main pillars of support, enabling him to continue to focus on his studies.

"Support from family members helped me a lot in continuing my education."

"Many family matters also had to be handled by my wife, Natrah Ibrahim, with us taking turns managing our responsibilities. Whenever I am busy with school, my wife will help me manage the household," shared Mr Lokman.

His parents, who live with him, also similarly helped out.

At the same time, Mr Lokman also thanked his lecturers at LASALLE. For any doubts he had, Mr Lokman found them readily helpful.

He has returned to work as a teacher after taking leave for three years for his studies.

Mr Lokman now shares a lot of what he has learnt at LASALLE with his students, including encouraging them to experiment and explore while studying art subjects at school.

Now, with the spirit of lifelong learning, Mr Lokman intends to continue his studies to the level of master's or doctor of philosophy (PhD).